

02 MAR 2000

LEAD Umno-Tawau

TAWAU CALONKAN DR MAHATHIR, ABDULLAH

TAWAU, 2 Mac (Bernama) -- Umno Bahagian Tawau hari ini mencalonkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi mempertahankan jawatan presiden parti itu manakala Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dicalonkan bagi jawatan Timbalan Presiden.

Bahagian itu, yang pertama di kalangan 165 bahagian Umno seluruh negara mengadakan mesyuarat perwakilan, hanya menamakan dua calon -- Ketua Menteri Sabah Datuk Seri Osu Sukam dan Menteri Besar Negeri Sembilan Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad -- bagi merebut tiga jawatan naib presiden.

Pergerakan Pemuda bahagian itu yang turut mengadakan persidangan perwakilannya hari ini mencalonkan Menteri Belia dan Sukan Datuk Hishamuddin Tun Hussein sebagai Ketua Pemuda dan Datuk Abdul Aziz Sheikh Fadzir bagi jawatan naib ketua.

Wanita Umno bahagian itu pula mencalonkan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz sebagai Ketua Wanita dan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Shahrizat Abdul Jalil sebagai naib ketua.

Mesyuarat hari ini dipengerusikan oleh Ketua Bahagian Tawau Datuk Abdul Ghapur Salleh.

Mesyuarat itu berlangsung dalam suasana tertib walaupun beberapa hari sebelumnya ada anggota perwakilan dikatakan kurang berpuas hati kerana persidangan diadakan pada hari bekerja dan bukannya pada hujung minggu.

Bahagian itu turut mencalonkan Osu serta tujuh lagi pemimpin dari Sabah bagi jawatan anggota Majlis Tertinggi (MT) parti, iaitu Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi Tan Sri Kasitah Gaddam, Timbalan Ketua Menteri Datuk Lajim Ukin, Timbalan Menteri Pertahanan Datuk Shafie Apdal, Timbalan Menteri Perusahaan Utama Datuk Anifah Aman, bekas Ketua Menteri Datuk Salleh Tun Said, pengerusi Bank Rakyat Datuk Dr Yusof Yaacob dan bekas Timbalan Menteri Kerja Raya Datuk Railey Jeffrey.

Yang turut mendapat pencalonan bagi jawatan MT ialah Datuk Dr Suleiman Mohamed, Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Othman, Datuk Mustapa Mohamed, Datuk Zainal Abidin Zin, Datuk Dr Shafie Mohamed Salleh, Datuk Khalid Yunus, Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir, Datuk Wira Mohamed Ali Rustam, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali, Datuk Azmi Khalid, Datuk Dr Affifuddin Omar dan Datuk Seri Shahidan Kassim.

Calon lain ialah Datuk Nazri Abdul Aziz, Tan Sri Ramli Ngah Talib, Datuk Shahrir Abdul Samad, Datuk Abu Zahar Isnin dan Datuk Dr Tengku Mahmud Mansor.

Umno Bahagian Tawau turut mencalonkan Tan Sri Sulaiman Ninam Shah bagi jawatan Pengerusi Tetap dan Datuk Ampung Puyunbagi jawatan Timbalan Pengerusi Tetap.

Pergerakan Pemuda bahagian pula mencalonkan Datuk Khalid Yunus sebagai Pengerusi Tetap Pemuda dan Abdul Kadir Daud sebagai timbalan pengerusi tetap pergerakan itu.

Datin Paduka Zaleha Ismail dan Hajah Rosdianah Mohamed Noor pula masing-masing mendapat pencalonan sebagai pengerusi tetap pergerakan wanita dan timbalan pengerusi tetap pergerakan itu.

Ghapur memberitahu pemberita kemudian bahawa beliau berpuas hati dengan dengan perjalanan mesyuarat hari ini.

"Selaku Umno bahagian yang pertama mengadakan mesyuarat perwakilan, pencalonan yang dikemukakan oleh bahagian ini sedikit sebanyak akan mendapat perhatian oleh bahagian-bahagian lain yang belum lagi

melangsungkan persidangan mereka," katanya.

-- BERNAMA

IL MAI